



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**

Mengenai:

**Tuntutan Tunggakan Bayaran Cukai Barang dan
Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion**

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF):-

- i. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,
Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin
Mohd Zahir
- ii. Menteri Kewangan,
Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 14 NOVEMBER 2018**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]	
YB. Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]	
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]	
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]	
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]	
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]	
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]	
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]	
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]

URUS SETIA

Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Nurul Adila binti Hamdan [Jurubahasa Serentak Seksyen Jurubahasa dan Terjemahan (Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]
Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Encik Y. Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah Audit (Prestasi)]
Cik Raftah binti Ibrahim [Timbalan Pengarah Audit 1 (Kewangan)]
Encik Haslim Eairon bin Mat [Penasihat Perkastaman]
Encik Mohd Daniel bin Mohd Nassir [Ketua Penolong Pengarah Audit]
Encik Mohd Faez bin Mohd Fauzi [Penolong Pengarah Audit (Kewangan)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Encik Mohd Farid Huzaimi bin Mohd Baderudin [Peguam Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

Y.Bhg. Datuk Abd. Aziz bin Aban [Pengarah]
Encik Hazrul Shazreen bin Abd Yazid [Penguasa Kanan (Siasatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (KP)]

Jabatan Akauntan Negara

Y.Bhg. Datuk Saat bin Esa [Akauntan Negara]
Tuan Haji Ramli bin Chik [Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan
Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Surrendren Sathasivam [Pengarah]

SAKSI**Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**

YB. Tuan Lim Guan Eng [Menteri Kewangan]
Y.Bhg. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir [Ketua Setiausaha Perbendaharaan]
Encik MA. Sivanesan [Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai Tidak Langsung dan
GST)]
Puan Farzaana binti Muhamad [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Cukai (Dasar dan
Pelaksanaan GST)]
Encik Ooi Kok Seng [Pegawai Khas Menteri Kewangan]
Encik Muhammad Akram bin Ab. Aziz [Pegawai Khas Ketua Setiausaha Perbendaharaan]

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA**

Rabu, 14 November 2018

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang

*[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat petang dan salam sejahtera kepada Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan semua Ahli PAC, Yang Berbahagia Datuk Roosme Hamzah iaitu Setiausaha PAC yang juga merupakan Setiausaha Dewan Rakyat dan semua pegawai-pegawai *ex-officio* PAC. Hari ini kita mengadakan prosiding berhubung tuntutan tunggakan Cukai Barang dan Perkhidmatan berjumlah RM19.4 bilion. Ini adalah prosiding yang kelapan membabitkan isu ini. Hadir di hadapan kita pada hari ini adalah Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng iaitu Menteri Kewangan.

Buat pengetahuan semua, PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung dengan isu ini pada 12 September 2018. Dalam tujuh prosiding sebelum ini, PAC sudah mendengar keterangan daripada Yang Berbahagia Dato' Sri T.Subromaniam iaitu Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir iaitu Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah iaitu Mantan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan dua mantan Menteri Kewangan II iaitu Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah dan Yang Berbahagia Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani. PAC juga mendengar penjelasan daripada mantan Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak pada 24 Oktober 2018. Sehubungan dengan itu, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng untuk memberi maklumat serta penjelasan kepada PAC berhubung dengan isu ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Menteri Kewangan]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kita untuk memberikan maklumat dan juga sedikit penerangan tentang masalah besar, RM19.4 bilion yang telah pun - kalau ikut apa yang saya ucap dalam Parlimen, telah dirompak oleh kerajaan terdahulu daripada rakyat iaitu pembayar cukai di mana kerajaan terpaksa menanggung kekurangan ini atau *shortfall* dan telah pun mengumumkan dalam Belanjawan 2019 bahawa

dengan bayaran khas, *one-off* daripada PETRONAS sebanyak RM30 bilion, kerajaan barulah berupaya untuk membayar balik RM37 bilion di mana RM19.4 bilion adalah *refund* GST yang tidak dibayar lebih dua tahun.

Di sini saya mungkin ingin hendak rujuk kepada tiga soalan yang saya tujukan kepada bekas Menteri Kewangan dan juga kepada kerajaan lama yang saya rasa adalah perkara pokok tentang isu ini kerana melibatkan undang-undang, akauntabiliti dan wang rakyat. Pertama, adakah mantan Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib membuat keputusan untuk meluluskan agar pembayaran balik GST, *the GST refund* tidak dibuat dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan di bawah undang-undang? Ini soalan pertama. Jawapan yang saya perolehi menerusi kenyataan akhbar Yang Berhormat Dato' Sri Mohd Najib adalah tidak. Dia tidak pernah membuat keputusan pembayaran balik GST, tidak dibuat dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan. Bukan sahaja tidak dibuat dalam masa dua minggu, tetapi sehingga sekarang masih belum dibayar. So, lebih daripada dua tahun, Tuan Pengerusi.

Kedua, adakah beliau meluluskan keputusan yang dibuat oleh bekas KSP iaitu Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar untuk tidak memindahkan keseluruhan jumlah RM82.9 bilion seperti yang diminta oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Akan tetapi hanya memindahkan RM63.5 bilion sejak tahun 2015, yakni kekurangan pemindahan dana sebanyak RM19.25 bilion kepada Tabung Bayaran Balik GST. Tabung Bayaran Balik GST hanya tinggal RM148 juta iaitu yang kita ada, so menjadikan keseluruhan jumlah yang belum dibayar balik adalah RM19.4 bilion. Akan tetapi daripada *shortfall* ini kerana tinggal RM148 juta, maka kita kena membuat imbuhan sebanyak RM19.25 bilion. Ini saya rasa telah pun dijelaskan oleh Yang Berbahagia Dato' Sri T. Subromaniam iaitu Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Apa yang ditunjukkan peta ini adalah pecahan tunggakan yang tidak dibayar di mana mungkin kalau sekiranya ada sedikit perselisihan, adalah kira-kira RM1.5 bilion hingga RM2 bilion daripada jumlah ini. Akan tetapi, ia sepatutnya dimasukkan dalam Akaun Tabung Bayaran Balik GST.

Untuk makluman Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, kutipan keseluruhan GST daripada 1 April 2015 hingga 31 Mei 2018 adalah sebanyak RM197.88 bilion. Daripada jumlah ini, hanya 32.5 peratus telah dipindahkan kepada Tabung Bayaran Balik GST iaitu sebanyak RM63.5 bilion. Itulah *shortfall*, RM19.4 bilion yang belum bayar balik seperti mana yang saya sebutkan. Ini melibatkan undang-undang. Akan tetapi saya hanya hendak membuat rumusan, perkara perundangan pada akhirnya.

Saya pergi ke soalan ketiga iaitu adakah Menteri Kewangan memberikan kelulusan agar jumlah pembayaran balik GST yang tidak dikembalikan sejak tahun 2015 dianggap sebagai hasil pendapatan kerajaan untuk digunakan secara sesuka hati mengikut budi bicara beliau dan Kerajaan Persekutuan pada masa itu? Ini tiga soalan adalah sangat penting dan

dijawab oleh mantan Menteri Kewangan dan jawapannya adalah tidak. Pertama, tidak berikan kelulusan bahawa bayaran balik GST tidak dibuat dalam masa dua minggu seperti yang ditetapkan.

■1440

Kedua, tidak meluluskan keputusan bekas KSP untuk tidak memindahkan keseluruhan RM82.9 bilion untuk dimasukkan ke dalam Tabung Bayaran Balik GST seperti yang diminta oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan ketiga bahawa dia tidak meluluskan jumlah bayaran balik iaitu RM19.25 bilion ini sebagai hasil pendapatan kerajaan. Sekiranya tidak siapa yang harus bertanggungjawab? Ini kerana di bawah undang-undang hanya Menteri yang ada kuasa.

So, di sini adakah beliau boleh memberikan kelulusan tanpa pengetahuan ataupun ingatan dia. Kedua, adakah bekas KSP, Tan Sri Mohd Irwan Serigar telah melebihi kuasa, menyalahgunakan kuasa ataupun menghindarkan undang-undang untuk membuat sesuatu keputusan yang salah dan melanggar undang-undang.

Saya sebut sedemikian, kerana pihak daripada Peguam Negara telah memberikan saya satu salinan. Salinan nasihat perundangan tentang impak ataupun perundangan berkaitan dengan *Financial Procedure Act*. Di sini adalah jelas dan saya tidak mahu baca itu *legal brief* saya— panjang 15 mukalah.

Tuan Pengerusi: Minta *softcopy*-lah. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Lim Guan Eng: Yes. So, saya hendak berikan secara ringkas sahaja di mana disebut di sini bahawa semua wang GST yang dikutip atau cukai GST yang dikutip seharusnya dimasukkan ke dalam Tabung Bayaran Balik GST dan kemudian baharu boleh dimasukkan kepada Akaun Kumpulan Wang Hasil or *Consolidated Revenue Account*. Kedua, bahawa amalan untuk tidak bayar balik adalah salah di sisi undang-undang, di mana pembayar cukai bukan sahaja boleh tuntutan balik, mereka pun boleh tuntutan kadar faedah dan juga sebarang keuntungan yang diperoleh oleh kerajaan kerana menggunakan wang mereka tanpa pengetahuan atau tanpa kebenaran pembayar cukai.

Tentulah pihak Peguam Negara meminta bahawa kerajaan dengan segera membetulkan kecacatan ini. Itulah sebabnya kita minta kerjasama daripada pihak pembayar cukai untuk bagi kita dua bulan lagi untuk membuat bayaran mulai 2019. So, di sini adalah jelas bahawa satu pelanggaran undang-undang telah berlaku. Pertama, tidak bayar ikut masa iaitu dua minggu, sampai dua tahun pun tidak terima. Kedua, wang yang sepatutnya dimasukkan kepada Tabung Bayaran Balik GST tetapi di masukkan dulu kepada Kumpulan Wang Hasil Disatukan, ini yang kedua. Ketiga ialah menggunakan wang tersebut tanpa pengetahuan dan juga kebenaran pembayar cukai.

So, adalah jelas bahawa perkara ini telah merupakan sesuatu beban yang amat berat kepada kedudukan fiskal. Ini adalah juga sesuatu yang cuba menipu bukan sahaja penyata kewangan tetapi rakyat kerana tanpa RM19.25 bilion ini tidak mungkin kita boleh dapat kawal defisit fiskal kepada 2.8 peratus kerana ia memang lebih besar daripada angka ini.

So, ini adalah secara ringkas, apa yang saya hendak huraikan mengapa kita sebut bahawa wang ini memang dirompak daripada pembayar cukai atau kalau kita gunakan istilah yang lebih elok sedikit ialah digunakan tanpa pengetahuan dan kebenaran pembayar cukai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ketiga-tiga isu itu telah pun kita kemukakan dalam prosiding-prosiding sebelum ini dan beberapa saksi yang kita panggil telah memberi penjelasan kepada kita. Contohnya kenapa tidak bayar dua minggu, pihak kerajaan mempunyai alasan kerana pada dasarnya mereka berkehendak kes-kes yang mudah itu mereka ingin membayar mengikut undang-undang yang ada, *which is within the two weeks period*. Akan tetapi menurut mereka ada kes-kes yang didapati bahawa pembayaran salah dibuat dan tidak sepatutnya dibuat, sebab itu mereka lebih berhati-hati.

Begitu juga isu mengapa duit dimasukkan ke dalam *Consolidated Fund, instead of the—* dalam *GST Refund Fund* sepatutnya tetapi menurut mereka, mereka ada kuasa di— Menteri Kewangan mempunyai kuasa dan mempunyai kuasa dari segi undang-undang seperti yang lazim dilakukan untuk mengarahkan kutipan GST itu— sama juga seperti kutipan *income tax* dimasukkan dalam *Consolidated Fund*. Akan tetapi menurut mereka, hanya *nett 65 percent* yang digunakan oleh kerajaan. *They always have this 35 percent reserve* untuk *refund*.

Kita juga diberitahu bahawa adalah menjadi tanggungjawab bagi KSP untuk menentukan kedudukan kewangan dalam *Consolidated Fund* itu *always in surplus*. Ini kerana jika defisit, rating kerajaan akan menurun. Sebab itu ada ketika pembayaran lambat dibuat disebabkan keadaan yang sedemikian yang mengehendaki secara undang-undang bagi KSP untuk menentukan *Consolidated Fund in surplus*. Akan tetapi kalau kita lihat data yang dibagi tadi, *RM197.88 billion* yang cuma dibayar adalah lebih kurang *32.5 percent*, maknanya *they were working within that 30 to 35 percent refund*. *They always reserved this 30 to 35 percent to refund*.

Jadi itu merupakan penjelasan yang dibagi oleh keterangan saksi-saksi yang kita panggil sebelum ini. Jadi isu undang-undang itu kita telah ada, kita terima isu undang-undang itu dan kita telah agihkan kepada semua Ahli-ahli PAC, *argument* yang diberi oleh AGC, AG mengenai kedudukan urusan pungutan hasil. Bukan sahaja pada GST tetapi yang melibatkan *refund* termasuk juga *income tax*. *So, we will—* kita akan perhatikan ulasan yang diberi oleh AGC dan mungkin itu akan menjadi sebahagian daripada rumusan PAC nanti.

Jadi soalnya Yang Berhormat Menteri, maknanya secara lateral, kerajaan— macam mana, *how do you justify that* rompak dan curi itu. *How do you justify* secara...

Tuan Lim Guan Eng: Apabila saya sebut di Parlimen dan saya pun ada juga menyatakan sekiranya dengan perkataan yang lebih diplomatik sedikit, kalau kita gunakan wang tanpa pengetahuan atau kebenaran sesuatu pihak, itu memang tidak lain dan tidak bukan seperti merompaklah. Akan tetapi yang saya hendak sebut di sini, ia memang sesuatu, bukan sahaja satu isu kewangan tetapi juga satu isu perundangan. Ini kerana Tabung Bayaran Balik GST adalah satu tabung atau Akaun Amanah. Dengan izin, *it is an Express Statutory Trust*. Sekiranya ia dilanggari, ini adalah suatu jenayah pecah amanah.

Apa yang berlaku di sini ialah sekiranya hendak dipindah keluar, boleh. Akan tetapi mesti dapat kebenaran daripada pihak Menteri. Apabila pihak Menteri cakap beliau tidak pernah berikan kelulusan, siapa yang berikan kelulusan untuk buat demikian? AG sudah cakap sepatutnya masuk ke Tabung Bayaran Balik GST, baru boleh keluar kepada Kumpulan Wang Hasil Disatukan. *Okay*, sekarang apa yang mereka buat adalah salah, mereka masuk kepada Kumpulan Wang Hasil Disatukan kemudian baru masuk kepada Tabung Bayaran Balik GST. Pertama sudah salah. Kedua, tidak pindah semua yang harus dibayar balik pun adalah kesalahan kedua dan ketiga tidak bayar balik dalam masa dua minggu.

Sungguhpun di sini ada kes di mana *Customs* sebut sudah tidak dipertikaikan lagi tetapi masih ditahan. Ini pun satu kesalahan. Itu yang saya sebut tadi ialah tiga kesalahan yang agak serius kerana yang kita bincang di sini bukan adalah sebuah akaun biasa. Akaun biasa, kalau dari segi prinsip perakaunan tidak mematuhi itu adalah dari segi kewangan. Akan tetapi apabila ia melibatkan satu tabung atau satu Akaun Amanah dengan izin, *Express Statutory Trust*. *It is not an Express Trust, it is an Express Statutory Trust because this account was established by Enactment in Parliament under the GST Act*.

■1450

Itu satu perkara serius.

Tuan Pengerusi: Ya, *but* ada dibagi keterangan oleh saksi bahawa mereka mengesahkan bahawa tidak ada salah guna daripada segi penggunaan wang dalam *Consolidated Fund*. Semua yang diguna itu mengikut urusan kerajaan yang di bajet ataupun perkara-perkara yang didasarkan oleh kerajaan. Maknanya diizinkan secara undang-undang. *That is the evidence given to us*.

Tuan Lim Guan Eng: Ini keterangan masa itulah. Ini keterangan masa itu.

Tuan Pengerusi: Ya, maknanya soal penyelewengan duit dalam *Consolidated Fund* itu bagi mereka tidak mungkin berlaku dari segi penyelewengan kewangan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini *I think subjective— I mean, sorry* mencelah sedikit. Ini subjektif kerana *we are talking about a Trust Account. That is where I think this severity of the offence lies*. So dalam aspek ini ialah bila kita sebut tentang wang yang sepatutnya dibayar

dalam dua minggu tak dibayar. Sekiranya pihak pembayar cukai mengambil tindakan undang-undang seperti yang disebut oleh Peguam Negara, mereka bukan sahaja boleh tuntutan balik bayaran cukai balik mereka tetapi boleh minta itu *interest* lapan peratus dan apa-apa hasil atau keuntungan yang diperolehi oleh kerajaan kerana menggunakan wang ini. *And it can also be imputed* Tuan Pengerusi, kerana kita hendak berselindung atau sembunyikan keadaan defisit fiskal yang sebenarnya.

Pada masa itu mereka anggap itu dibenarkan. Saya rasa mungkin mereka terlepas pandang itu adalah Tabung Amanah. Saya tak salahkan pegawai-pegawai yang terlibat pada masa itu, saya hanya salahkan satu orang iaitu sama ada yang bersalah ialah mantan Menteri Kewangan atau bekas KSP. Ini kerana beliau yang buat keputusan dan beliau buat keputusan bila beliau tidak ada kuasa *and this is a serious matter. We are talking about a huge sum which is RM19.4 billion.*

So, sekiranya Tan Sri KSP tidak dapat kelulusan daripada Menteri Kewangan dan memang kita tak dapat cari bukti bahawa Menteri Kewangan ada berikan itu bukti, *I think unless it is in his hand. I think the KSP is in trouble.*

Tuan Pengerusi: *I think the last proceeding with Dato' Sri Mohd Najib, he assumed he has already* turunkan kuasa kepada KSP. Bila kita tanya sama ada— dia kata secara minit dalam— dipersetujui secara dasar dalam minit bahawa arahan Menteri Kewangan untuk masuk ke dalam *Consolidated Fund is also the GST Refund Fund, Trust Fund* itu mengikut kuasa yang diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada jawatankuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Ya dengan izin saya rasa mantan Menteri Kewangan kena bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi: *The same question we asked, he believed that it is in the minute.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, no okay. If that is the case,* itu KSP telah menjalankan kuasanya seperti yang diperturunkan kepada beliau, maka mantan Menteri Kewangan mesti bertanggungjawab. *I think this has serious legal implications.* Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Boleh bagi saya Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Wong Hon Wai: Ya Menteri, Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar pada 20 Oktober berkenaan dengan wang-wang yang masih tinggal dalam *Consolidated Revenue Account*, yang saya rasa ialah RM450 *million*. RM450 juta dalam *Consolidated Revenue Account*. Boleh tak saya rasa itu perlu direkodkan dalam minit PAC, boleh huraikan ya.

Tuan Lim Guan Eng: Satu kenyataan— saya di sini ada satu kenyataan tetapi status kenyataan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Bila saya jelaskan perbezaan diantara Akaun Hasil Disatukan dan juga Kumpulan Wang Disatukan. Ini saya rasa untuk seorang *accountant* yang tidak biasa membuat akaun kerajaan, kita pun kena faham sedikit.

Mungkin lebih senang faham tetapi pengguna pun kena faham. *Because* kita biasa uruskan penyata kewangan syarikat swasta. *So* saya pun perlu sedikit masa untuk faham. Akan tetapi itu adalah satu perkara biasa yang harus difahami oleh semua Menteri Kewangan.

Saya percaya mantan Menteri Kewangan faham perkara ini. Disebutkan bahawa kalau ada Kumpulan Wang Disatukan, pada 31 Disember adalah sebanyak RM42.18 bilion, 30 April adalah RM35.5 bilion. Bermakna kerajaan ada RM35.5 bilion untuk membelanjakannya, ini tidak benar. Ini kerana Kumpulan Wang Disatukan merangkumi tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Kita tak boleh sentuh Akaun Pinjaman Disatukan.

Kita pun jangan-jangan, kita tak boleh sentuh Akaun Amanah Disatukan kerana ini akan melibatkan jenayah, percanggahan kepentingan atau *criminal breach of trust*. *So*, yang kita boleh sentuh, yang boleh digunakan untuk tujuan perbelanjaan ialah Akaun Hasil Disatukan. Ini pun telah disahkan berkali-kali oleh *Accountant General* dan juga oleh *Auditor General*. *Accountant General* mengesahkan pada 31 Disember 2017, Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM11.86 bilion turun kepada RM5.73 bilion pada 31 Januari, turun lagi kepada RM5.34 bilion pada 28 Februari dan RM3.91 bilion pada 31 Mac dan 30 April tahun 2018 menjelang pilihan raya tinggal RM450 juta sahaja.

So, di sini jelas sekali bahawa RM11.4 juta (bilion), [*Disampuk*] terima kasih. RM11.4 juta (bilion) telah digunakan dalam masa empat bulan ini iaitu dari 31 Disember hingga 30 April 2018. *So*, tidak benar kenyataan bahawa ditinggalkan puluhan bilion ringgit untuk di belanjakan kepada kerajaan baharu. Itu tidak benar sama sekali.

Pada masa yang sama apabila kita lihat tentang Tabung Bayaran Balik GST yang menjadi isu utama siasatan PAC memang ia hanya sebanyak RM148 juta sahaja. Ini diletakkan di dalam Akaun Amanah Disatukan.

Tuan Pengerusi: Ya, tapi kita juga dimaklumkan Akaun *Revenue* dalam *Consolidated Fund* itu berubah setiap hari *and we need about RM8 billion every month to pay the emolument and salary*. *So* yang RM450 juta itu *which day of the month actually is*. Adakah itu selepas bayar gaji dan sebagainya?

Tuan Lim Guan Eng: Gaji dibayar lebih awal.

Tuan Pengerusi: *So which day of the month actually is* RM450 juta sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Gaji biasa dibayar pada 25 hari bulan setiap bulan. *So* RM450 juta ini yang tinggal ialah selepas gaji dan pencen telah dibayar.

Tuan Pengerusi: Ya, mesti selepas gaji pasal *we must have at least RM8 billion to pay salary*.

Tuan Lim Guan Eng: *Which means that for the month of May* Tuan Pengerusi, kita menghadapi satu krisis kewangan kerana kena cari RM7.5 bilion untuk bayar gaji dan juga pencen. *I want to tell you frankly here, this one went into deficit, because I took over on 21st*

after I sworn in. 10 days, pay salary after four days. Akaun Hasil Disatukan was in deficit. We had no choice but then we managed to turn it around the following month. So now we got a balance of over RM4 billion. How much is it? RM4.7, as at September.

So sekarang kita ada - selepas berusaha, sungguhpun berjaya, sungguhpun dapat mampu bayar gaji dan pencen RM8 bilion sekurang-sekurangnya setiap bulan, kita ada RM4.7 bilion di dalam Akaun Hasil Disatukan pada 30 September tahun ini.

■1500

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Yang Berhormat. Cuma saya hendak tanya untuk tujuan rekod sahajalah. Tujuan rekod sahaja. Ini kerana mengikut jawapan dari bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan pada soalan kepada dia. Mana pergi duit pembayaran balik RM19.4 bilion? Dia dengan yakin kata itu duit memang ada, di dalam Akaun Hasil Yang Disatukan. Bagi dia, kita tanya dua kali atau tiga kali, dia pun jawab begitu. Dia kata kerana hari-hari berubah tetapi bagi dia, itu duit tetap ada di situ. Adakah kenyataan beliau itu benar atau betul mengikut Kementerian Kewangan yang baharu?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat dari Tebrau. Memang itu adalah kenyataan yang tidak tepat dan tidak betul. Ini kerana akaun pinjaman mana kita boleh guna. Kita mesti guna untuk tujuan yang ditetapkan. Bila kita pinjam wang, ada tujuan. Kita tidak boleh menyalahi tujuan yang ditetapkan. Akaun Amanah jauh lagi kita boleh sentuh. Itu adalah *Trust Account*. So, hanya Akaun Hasil Disatukan boleh digunakan. Bila beliau sebut sedemikian, itu tidak benar sama sekali.

Tuan Pengerusi: Ya. Saya kembali kepada isu curi, rompak dan salah guna. Seperti yang dinyatakan tadi, Disember 2017 RM11.86 bilion, Januari RM5.73, 28 Februari RM5.34, 31 Mac RM 3.91. Maknanya, duit berkurangan— memang ada. *That is* betul, satu kenyataan. Akan tetapi, menurut saksi-saksi sebelum ini, ia digunakan kerana dasar kerajaan. *I might agree that*, setuju bahawa mungkin menjelang pilihan raya banyak dasar kerajaan yang menggunakan wang dalam *Consolidated Fund*. Akan tetapi, mengikut arus *cash flow* KSP ia dibuat disebabkan oleh dasar kerajaan dan bukan soal disalah guna dan sebagainya. *Do you agree along that line?* Ini kerana kalau dari segi katakan ia dirompak, KSP mesti bertanggungjawab. Kalau disalahgunakannya. Maknanya KSP bertanggungjawab. Mungkin ada dasar kerajaan menjelang pilihan raya, dasar kerajaan yang lalu menjelang pilihan raya yang terpaksa menggunakan begitu banyak wang daripada *revenue* di *Consolidated Fund* bagi dasar-dasar kerajaan hingga menyebabkan tabung dalam *revenue* dalam *Consolidated Fund* itu menurun hingga *the list was RM450 million*.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi. Saya kurang bersetuju. Ini kerana sekiranya dasar ini bercanggah dengan undang-undang, ia tidak dapat dilaksanakan. Sekiranya, kita sebut bahawa - kerana itu adalah sesuatu dasar, maka kita ada kuasa untuk membelanjakan wang sungguhpun ia menyalahi undang-undang. Itu tidak betul.

Tuan Pengerusi:.... *the value*. Mana yang tidak ada dalam bajet, mana tambahan-tambahan yang tidak ada dalam bajet, *it is a common practice that they will do supplementary budget during the next Parliament session*.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. *They will do supplementary*. Itu Akta Perbekalan Tambahan. Akan tetapi, ini sepatutnya dibayar dalam dua minggu. So, dia tidak tunggu dua minggu, dia sudah lebih dua tahun.

Tuan Pengerusi: *You are talking about the GST refund*.

Tuan Lim Guan Eng: Betul, the GST refund.

Tuan Pengerusi: *We are talking about the usage of the Consolidated Fund, revenue in the Consolidated Fund*.

Tuan Lim Guan Eng: *Okay*. Sekiranya, kita hendak sebut tentang secara amnya. Kegunaan Akaun Hasil Disatukan, mestilah memenuhi dasar-dasar dan juga arahan Kerajaan Persekutuan yang ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Memang sah. Akan tetapi, tertakluk kepada undang-undang juga. Kita tidak boleh melebihi undang-undang. Itulah sebabnya sekiranya saya boleh bagi satu contoh, 1MDB. Sama juga. Sekiranya kita cakap itu adalah mengikut atau menurut dasar kerajaan, mengapa bila Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir sebut penyangak, perompak— dia tidak berani saman? Ini kerana memang itu adalah satu rompakan wang rakyat. Sampai saya sendiri sakit hati bila saya *sign* itu pembayaran hutang RM7 bilion yang telah dibayar— RM43 bilion masih hendak dibayar. Tidak ada, cari aset-aset juga.

Tuan Pengerusi: 1MDB. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: 1MDB.

Tuan Pengerusi: Kita pun sakit hati juga. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *That is why I said. This is a daylight robbery*. Saya terima kasih bahawa Tuan Pengerusi cakap anda sakit hati kerana 1MDB. *But the point is that this is a daylight robbery of the people's money*. So, itu saya sebut di sini bahawa bila ini melibatkan *Trust Account*. 1MDB tidak melibatkan *Trust Account*, Tuan Pengerusi. Akan tetapi, itu dianggap sebagai *a daylight robbery* di mana, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir menyatakan berkali-kali, bukan dalam Dewan tetapi di luar Dewan, penyangak. *Here we are talking about a Trust Account*, Tuan Pengerusi. Lagi serius. *And, it is not only an ordinary trust. It is an Express Statutory Trust*.

Tuan Pengerusi, seorang *lawyer*. Lebih fasih dan lebih. *Sorry?*

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: PhD.

Tuan Lim Guan Eng: PhD. *So, I think when you talked about Express Statutory Trust. You ask a lawyer, that is even a more onerous burden that must be placed on the public officer who is carrying on his duties. It is not an ordinary account. It is an Express Statutory Trust*.

Tuan Pengerusi: *But, they can't be the GST refund. They are still within the range allowable... [Tidak jelas] [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *But that range. That is why I said, I don't blame the officers.*

Tuan Pengerusi: *Ya. [Tidak jelas]*

Tuan Lim Guan Eng: *That range is against the law. Under the law you have to move everything to the Trust Account. Only then you can take it out to the Consolidated Fund. Okay. Now, even if you take it to the Consolidated Fund, you must make good— the refunds by transferring 100 percent of the amount requested by Customs. Customs requested for RM82.9. They only paid RM63.5. That means you are denying, which is a criminal breach of trust.*

Tuan Pengerusi: *That is the SOP, it doesn't meet the SOP. They apply for 100 percent and they will get 60 percent.*

Tuan Lim Guan Eng: *That is against the law. It is not against the SOP, Tuan Pengerusi. It is against the law. You cannot have an SOP that breaks a law because the law is the highest and even we as the Ministers have power, we cannot break the law.*

Tuan Pengerusi: *And we were told Customs understood that - even the Customs people, they understood.*

Tuan Lim Guan Eng: *No-lah. I think with all due respect, Tuan Pengerusi. I asked the Customs officers. I asked my officers. They said, "kita menurut perintah". Sekarang, "kita menjalankan amanah". Dahulu ialah pegawai menurut perintah. I don't blame them. The one that should bear the responsibility is the KSP. He cannot run away. He is responsible. RM19.4 billion has been used and now this new government got to find RM19.4 billion to pay back to the tax payers. How not to be angry? Because I'm the one having to juggle the budget. Tidak ada wang.*

Tuan Pengerusi: *When you said that there was some - your statement said that even the 2015 claim are not paid.*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *We asked the questions to the Customs people and they told us that, that claim was only made in 2017. So, they clarified on that matter to us.*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes, I mean two years what. 2015 to 2017 is two years.*

Tuan Pengerusi: *No. No. That business entity, the only year claimed for refund was in the year 2017 over 2015 supposedly refund. So, ya. This is what... [Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: *I can— actually. I know. What I can tell you. No. The information I got is a bit different. But I can show you one company. The other day Tok Pa even told me. He hopes that I can solve a problem that he couldn't solve before. Tok Pa. Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa Mohamed. Dia sekarang orang kita lah. [Ketawa] Minta maaf but he told me, Shell Company was so angry. When he was a Minister International Trade Industry. The*

company insulted him to his face. Are you sleeping on your job? What type of government is this? RM500 million GST refund still has not been paid back to us. I'm going to lose my job and he asked me please pay back because it is not fair to the company. And this is more than two years, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *But the Custom's people also told us that - the KSP told us, there was one incident where one poultry company who made claimed of RM21 million.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Ayam. Ayam.

■1510

Tuan Pengerusi: Ayam, poultry.

Seorang Ahli: *Two point something...*

Tuan Pengerusi: *RM20 over million. And then they found out that it was a false claim.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, a false claim is a false claim.*

Tuan Pengerusi: *But it was paid by the Customs. So, from that time they were more careful on the claim.*

Tuan Lim Guan Eng: *Itu saya setuju. Kalau false claim tindakan kena diambil. But we are not talking about false claims. We are talking about small claims which are genuine. I can tell you also not just that Shell Company. Shell Company they won't bluff-lah, it is a reputable international company.*

I'm talking about an opposition MP from PAS. He tells me, he said Yang Berhormat tolong boleh cepat bayar, my company is owed RM1.5 million. This is a PAS MP. Dia tahu masalah ini kerana dia jadi mangsa. Saya kata don't worry we'll try to make sure that next year we'll pay, then he's happy. It's because at least— kalau pergi mahkamah pun you tengok itu masa panjang. At least he knows next year he will get the payment. So, most of them are waiting for the payment because they are confident in this new government, will not do what the previous government has done— which is not paying back their own money.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah[Jasin]: Boleh saya tanya Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *Yang Berhormat Menteri, how long do you take to familiarise yourself as a Finance Minister. Itu yang pertama.*

Keduanya, sebagai Menteri Kewangan dalam sebuah negara yang berdaulat adalah satu jawatan yang paling penting sekali. Bukan sahaja menguruskan kewangan bahkan apa juga keputusan dan *statement* yang kita buat boleh mengakibatkan bukan sahaja kewangan kita, keyakinan orang luar, keyakinan orang dalam dan juga masa depan kerajaan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ada sedikit latar belakang berkaitan dengan perakaunan kerana saya adalah seorang bekas *accountant*. So, bila saya lihat akaun semua pun baru tetapi untuk saya faham, lebih mudah untuk saya faham. Saya

pun ada sedikit pengalaman selama 10 tahun memimpin Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan telah berjaya untuk *turn around* Pulau Pinang dari segi kewangan sehingga ia menjadi negeri yang mempunyai prestasi kewangan yang paling baik di seluruh negara.

Saya kurang bersetuju menyatakan jawatan itu paling penting. Jawatan yang paling penting bukan Menteri Kewangan. Jawatan yang paling penting ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri. Mungkin ada kementerian lain yang sama-sama penting seperti KDN, Pertahanan dan sebagainya.

Saya setuju bahawa apa-apa kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri-menteri, bukan sahaja Menteri Kewangan mempunyai impak yang besar untuk sebuah negara yang berdaulat yang harus dihormati di peringkat antarabangsa. Akan tetapi, kerajaan baharu kita telah memberikan komitmen untuk cakap benar iaitu untuk menegakkan yang benar dan menjauhkan daripada batil. So, itulah komitmen yang kita buat termasuk dalam aspek pelaporan penyata kewangan.

Apa yang kita lihat di dalam pelaporan penyata kewangan adalah tidak tepat. Jauh sekali *true and fair* iaitu benar dan saksama. Jauh sekali. So, itulah sebenarnya kita buat pendekatan, kita akan cakap benar supaya bila pelabur lihat kita punya laporan kewangan, dia tahu itu adalah yang benar, yang sah, yang tepat. Bukanlah seperti dulu.

Bila saya sebut kenyataan ini bahawa itu adalah keadaan sebenarnya, reaksi daripada pelabur bukan negatif, sebaliknya positif. Ini kerana itu adalah keadaan sebenarnya bahawa akhirnya ada seorang Menteri yang cakap benar, apakah kedudukan yang sebenarnya iaitu ada RM19.4 bilion yang belum dibayar balik kerana mereka semua jadi mangsa.

Kalau Yang Berhormat sudi, saya boleh bawa Yang Berhormat untuk jumpa sama— *how many thousands?* Berapa ribu?

Encik Ooi Kok Seng [Pegawai Khas Menteri Kewangan]: *I think easily more than 18,000.*

Tuan Lim Guan Eng: Puluhan ribu yang tidak terima bayaran balik ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Baiklah Yang Berhormat, sekarang saya ada satu soalan lagi satu. *Do you realise that the implication* ataupun adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa implikasi perkataan Yang Berhormat keluarkan itu sebagai seorang Menteri Kewangan mempunyai satu keadaan yang cukup berat sekali— *something which is damaging to the country* bukan sahaja keyakinan rakyat bahkan keyakinan orang luar terhadap negara kita dan mungkin— saya tidak salahkan Yang Berhormat mungkin dalam keadaan emosi sebab kita belum siasat lagi.

Fasal perkataan 'merompak' ini dalam bahasa Melayu adalah satu perkataan yang cukup berat sekali. Maknanya bukan sahaja kita mencuri ataupun mengambil secara paksa, menyalahgunakan, *misappropriation*— perkataan ini boleh membawa satu akibat yang cukup mendalam sekali.

Tuan Lim Guan Eng: Saya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Atau selepas itu, sekiranya selepas itu Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya bukan dicuri, bukan dirompak. *The money is somewhere here. I don't want to know because I'm not in the Finance Ministry. I don't know how you manage but the thing is do you realise that the money is being— is somewhere. We have the money but at least now the next day or later, next month or next week you make a correction. So that now* orang semua faham bahawa sebenarnya ada kesilapan daripada perkataan kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hanya setuju satu perkara Yang Berhormat sebut tadi iaitu sekarang tahu bahawa wang itu tidak ada dalam Tabung Bayaran Balik tetapi masih ada. Kalau masih ada, saya tidak akan gunakan istilah rompak. Wang itu tidak ada. Wang itu yang kita perlukan untuk bayar balik, sudah tidak ada lagi. Itu sebab kita kena bergantung dengan... *[Disampuk]* Nanti saya habis dulu. Itu sebab pihak Kementerian Kewangan kena bergantung kepada *special dividend, one-off payment* daripada PETRONAS untuk buat bayaran balik.

So, di sini itu bukan hal emosi. Saya tidak sebut bahawa sesiapa merompak. Saya cakap kerajaan lama merompak kerana itulah hakikatnya. Bagi saya, saya berasa sangat marah. Siapa tidak marah sekiranya RM19.4 bilion hilang? Kalau wang ini masih ada dalam akaun tidak apa, tetapi wang ini hilang. Itu sebab kita kena bergantung kepada PETRONAS untuk buat bayaran balik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *Can make a police report.*

Tuan Pengerusi: Dari segi undang-undang bila bercakap rompak bererti ada salah guna dalam penggunaan wang dalam *Consolidated Fund*. Kalau ada salah guna maknanya ada orang yang bertanggungjawab. Mesti ada laporan polis dibuat. Ada orang yang mesti bertanggungjawab dalam salah guna duit. Kalau betul-betul dirompaklah, disalah guna.

Kalau perkataan 'rompak' itu ertinya salah guna ataupun curi ataupun salah guna, dari segi undang-undang ia mesti— *it will be shown in the account, in the cash flow of the ministry. You see the point?* Kalau rompak, ada salah guna. Kalau perkataan 'rompak' itu adalah salah guna maknanya ia akan ditunjukkan dalam *cash flow of the Consolidated Fund* yang dipegang oleh Kementerian Kewangan. *So, somebody must be responsible. Police report has to be made on the matter,* kalau rompaklah. Kalau itu secara lateral.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Jasin sebut maksud dan terjemahan perkataan 'rompak' ialah wang itu *misappropriation* ataupun disalahgunakan. Kalau kita ikut takrifan ini, memang benar rompak kerana disalahgunakan dan *misappropriated*. Ini satu.

Kedua, saya *on your interest of fairness— I used the word* kerajaan lama. Kerajaan lama merompak. *I didn't direct to or against any individual person.* Akan tetapi, sekiranya kita

gunakan istilah ataupun takrifan yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi, serupa juga. Adakah wang RM19.4 bilion, ada atau tidak ada? Tidak ada. Sekiranya ada, itu lain. Mungkin kita sembunyi atau kita sorok dekat kawasan lain atau dekat akaun lain. Akan tetapi memang sudah hilang.

Tuan Pengerusi: Maknanya...

Tuan Lim Guan Eng: *So, kalau wang yang sepatutnya ada dalam Tabung Amanah hilang, itu sama dengan rompak.*

Tuan Pengerusi: *Okay, samalah dengan rompak tetapi bukan rompaklah betul-betul.*

Tuan Lim Guan Eng: Tanpa pengetahuan dan kebenaran.

Tuan Pengerusi: Maknanya duit itu digunakan untuk kepentingan kerajaan yang lalu.

■1520

Makna dari segi *cash flow* itu, ia digunakan mengikut program, dibayar mengikut program. KSP, *the financial controller of the people in the ministry*, mereka tidak salah guna. Akan tetapi mungkin 'rompak' dalam konteks yang saya faham sekarang ini, program-program kerajaan yang menggunakan *Consolidated Fund* yang begitu banyak sehingga menembusi kedudukan kewangan yang hampir defisit. Kalau itu maknanya, *okay I can understand*. Akan tetapi 'rompak' *per se* bahawa ada salah guna dalam *cash flow* itu, *I think* ia tidak berkaitan. Akan tetapi kalau 'rompak' dari segi program kerajaan yang melampaui yang menggunakan – terpaksa membayar dasar-dasar kerajaan, nelayan, pertanian, bayar gaji, emolumen, tambahan BR1M dan sebagainya. Mungkin dalam konteks itu. Boleh tidak yang itu?

Tuan Lim Guan Eng: *No – I think* dengan izin, *I think we are missing the point here. It is because you are talking about* kepentingan kerajaan. Siapa yang putus kepentingan kerajaan? Iaitu kerajaan yang dapat mandat rakyat. Akan tetapi kita kena ingat, kerajaan atau Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat adalah berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan juga kedaulatan undang-undang. *We are governed by the rule of law*. Kepentingan kerajaan atau kepentingan sesuatu dasar tidak boleh melampaui undang-undang yang sedia ada. Ini telah jelas melampaui atau pun melanggar undang-undang yang sedia ada.

Tuan Pengerusi: *That is what 'rompak' you mean?*

Tuan Lim Guan Eng: *Yes. And then I think that – No, I think with all due respect Tuan Pengerusi, shouldn't we be more interested in RM19.4 billion that is missing rather than the word that I used? It is because the word that I used, it may only hurt those from the previous government. But the RM19.4 billion that is missing, I think it is a much bigger matter.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Tuan Pengerusi, seperti saya sebut tadi, kalau kita kata *the money was missing, misappropriated or being taken for their own personal purposes, you must go and make a formal report to the police then. It's the public money.*

Tuan Lim Guan Eng: *So, you are saying that we should – You said that if this ‘rompak’, then kita harus buat laporan polis? Ya, itu kita boleh cadang buat begitu, tetapi itu Yang Berhormat Rembau telah lebih cepat sedikitlah. So tidak apa, kita bergantung pada laporan polisnya. Why we didn’t do the report because we wanted to interview and get the full facts from the key players iaitu Tan Sri KSP dan mantan Menteri Kewangan. Akan tetapi tentulah Yang Berhormat Rembau–*

Saya hendak terus terang di sini, I got Ministers who came up to me, they were shocked. They said, “Betulkah?” They didn’t know. When I look at the faces of the Ministers, even Yang Berhormat Rembau said that they are not aware. That is why they are very angry and they said they wanted to get to the bottom of this, dia sendiri buat inisiatif untuk buat laporan polis. Now, since he is willing to make sure that no stone is left unturned, that he hendak cari sampai lubang cacing, apakah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Lubang cacing.

Tuan Lim Guan Eng: *Okay.* Lubuk cacing, lubang cacing pun boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Lubuk ikan. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Ha?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ikan lubuk.

Tuan Lim Guan Eng: Kita kadang-kadang tidak tahu itu besar atau kecillah. *[Ketawa]*
[Disampuk] Ha? *Sorry?*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *The Cacing is a dragon.*

Tuan Lim Guan Eng: *Sometimes.* Kadang-kadang macam *dragon*. *[Ketawa]* So, itulah sebabnya kita hendak dapat maklum balas yang lebih menyeluruh dan hendak dapat makluman daripada Menteri. *I realised that only a few knew, a few of the Ministers knew. Most of them didn’t know. In fact, their faces were shocked.* Mereka terkejut. So, sungguhpun saya hendak salahkan mereka tetapi bila saya lihat respons mereka, jelas mereka pun dalam – bukan kejutan, mereka dalam kejahilan. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat. Jadi, sebelum ini kita ada buat beberapa temu bual atau pun *interview* dengan beberapa orang. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat kalau dikatakan *the money is there, available*.

Tuan Lim Guan Eng: *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Nanti sekejap saya sebut.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau *the money is there*, saya buat kenduri hari ini. *[Ketawa]*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *The money is there. The money is there. Even if we are made to pay now, I am in the capacity to pay, but I have got to watch my cash flow. I plan to only pay next year.* Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat, saya boleh gerenti...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Ini pendapat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Bukan pendapat, saya cakap fakta. Kita bukan datang untuk bagi pendapat, kita datang untuk berikan fakta dan angka. Saya boleh cakap di sini, *the money is not there. If the money is there, saya buat kenduri. Saya rela tarik balik perkataan 'rompak'. Saya rela minta maaf. RM19.4 billion. Wah! lega habis. The money is not there.*

Tuan Pengerusi: *The situation last time was that the GST was in collection every day. Every day masuk duit, masuk duit, masuk duit. So, they were in the capacity to pay...*

Tuan Lim Guan Eng: *They didn't pay.*

Tuan Pengerusi: *Yalah, they didn't pay that. Kadang-kadang dia lambatkan sedikit to manage the cash flow. But they expected tomorrow they would get another GST, the next day would get another GST. So, the situation was like that. Dia macam managing the cash flow. They were managing the cash flow because they expected every day the GST income will come in. So, that is exactly the situation was. So, when the new government took over, GST was stopped, so that is where they got stuck.*

Tuan Lim Guan Eng: *No. Two years...*

Tuan Pengerusi: *They got stuck there.*

Tuan Lim Guan Eng: *No. Bukan Tuan Pengerusi, dua tahun. Sejak tahun 2015 hingga sekarang. Kalau you sebut untuk tahun ini, okay saya boleh setuju. But this one, the refunds were stretched back to 2015, yang tidak dibayar. Saya pun ada tanya KP, he's still my KP now, Kastam. Why didn't you insist? "Saya yang menurut perintah". But there's one officer, talking about income tax refund, this one is not related. Income tax refund, there was the former CEO. He was so upset, he put in writing. That one was— he wanted to do his duty...*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *Billion. He put in writing and then he was also ignored by Tan Sri KSP. That one also got case. That one got case because he put in writing. Then, under the law, they can claim two percent and we have to pay the two percent interest. Luckily it is two percent ada sebut. Kalau tidak, kena bayar lapan peratus.*

Tuan Pengerusi: *That statement, we the PAC can investigate.*

Tuan Lim Guan Eng: *Saya rasa yang itu dia akhirnya ada buat bayaran. If like that then I think you have no time to investigate 1MDB. 1MDB is more important.*

Tuan Pengerusi: *No. We cannot investigate 1MDB.*

Tuan Lim Guan Eng: *1MDB is more important. [Ketawa]*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Yang Berhormat.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir[Johor Bahru]: *Minta izin.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Sila, sila.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Dalam Kementerian Kewangan, apa juga kemasukan wang selain daripada diuruskan oleh tiga tabung tadi, Consolidated Fund, Tabung Amanah. Kementerian Kewangan juga ada Accountant General...*

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Who are actually now – their job is not only to supervise, but as a watch dog and they are actually bring in with the fund. So now, if this people were to tell us that the money is there, but the thing is, it is not being paid because we have got stages of— cara-cara. Pertamanya, dia ada jawatankuasa yang menyelidik atau pun yang menyiasat, baru meluluskan pembayaran. Ini kerana kebanyakan bayaran ini yang pertamanya, yang tidak termasuk dalam peraturan dan kedua, ada penipuan. Jadi sehinggakan ada tuntutan tahun 2015 dimasukkannya, pada tahun 2018 ia dibuat. Jadi, macam mana hendak bayar? Then kalau mengikut peraturan GST ini, kita boleh membayar mereka sampai enam tahun.*

Tuan Lim Guan Eng: *That is not true.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: Jadi maknanya walaupun kita diperlukan 14 hari...

Tuan Lim Guan Eng: *No. It is not true* Yang Berhormat. Saya rasa mungkin Yang Berhormat tersalah baca. Ini dua minggu. Saya hanya hendak jawab satu sahaja kerana semua yang Yang Berhormat nyatakan tadi adalah berlandaskan fakta yang tidak benar. Saya hanya hendak jawab satu ialah berkaitan dengan peranan yang dimainkan oleh pegawai tinggi, termasuk *Accountant General* atau pun *Auditor General*. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, hari pertama saya masuk pejabat 22 Mei, *Auditor General* masuk ke pejabat saya sampai menangis bahawa beliau tidak boleh akses fail-fail tertentu dan beliau tidak boleh berikan kedudukan sebenarnya.

■1530

Auditor General sendiri. *This is what we called as red files.* Hanya satu dua orang ada akses. KSP sendiri pun tidak tahu tentang Suria Strategic Energy Resources punya skandal. Mana ada kontrak yang diberikan kepada syarikat daripada negara China, kita bayar ikut tempoh masa, bukan berdasarkan siap bina kerja. Sampai 88 peratus nilai projek dibayar sebanyak RM8.3 bilion tetapi siap kerja hanya 10 peratus. *You should investigate that scandal. We pay RM8.3 billion. Sabah too, from Melaka to Kedah. She had no access to these files, hanya KSP sahaja yang tahu. Itulah kedudukan, the culture of fear amongst senior government officers that they are not dare to do their duty.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *How about the Accountant General?*

Tuan Lim Guan Eng: Serupa jugalah. Dia hanya boleh lapor apa yang diluluskan dan dia akan *submit* kepada penyata kewangan. Kalau *Auditor General* lagi tinggi pun tidak boleh *access files itu. That is why very important that we have our accrual basis accounting.* Ini kerana *accrual basis accounting* dia tidak boleh sembunyi punya. *The accounts will have to be recorded on the day the transaction entered, not wait until the cash is paid in or paid out.*

Tuan Pengerusi: *You are in the position to change that.*

Tuan Lim Guan Eng: *We have already started. We've got Pricewaterhouse. Before that Pricewaterhouse got no access too. Now they have full access.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Nak suggest Yang Berhormat Menteri, sebagai seorang Menteri Kewangan sekarang sepatutnya mengadakan satu, a formal inquiry. Fasal apa, how can you let loose those people who misappropriated so huge of amount, you know. We want to know the truth. Because what is PAC? PAC is only being— actually a job given by the Parliament. But if this is actually a real missappropriation, they must initiate a formal inquiry.*

Tuan Lim Guan Eng: *No, it is very clear lah. The evidence is very clear. This is only a question of an account and accounting. So, when you talk about account and accounting, untuk makluman Yang Berhormat, there is such a thing called as double entry. So kita boleh kesannya, mudah untuk kesan. The most important is you must have the access to these files and then since the Pakatan Harapan Government took over, kita buka semua fail, kita boleh kesan. It is very straight forward. So, we know whether the money is missing or not, the money is missing.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Yang Berhormat Menteri, accounting system is one, but actually now, the real - actually now physical misappropriation is another. Kalau you cakap accounting system ada silap, ada salah di sana, no problem.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Okay, Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Tadi saya agak confuse juga sebab kita bermain dengan seksyen 54(5) sebab saya rasa bukan di sini untuk kita putuskan sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan yang lama mengatakan dia menggunakan seksyen 54(5) sedangkan Menteri Kewangan hari ini mengatakan tidak boleh gunakan seksyen itu dalam prosedur kewangan. Kita telah mendapat pandangan daripada AG, jadi saya rasa benda itu biarlah PAC yang akan - dalam meeting-meeting yang berikutnya akan cuba selaraskan maklumat-maklumat itu.*

Cuma yang saya risau sekarang ini, saya dapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa RM19.4 bilion yang sekarang ini ada dalam akaun adalah merupakan duit yang didatangkan daripada PETRONAS. Betul?

Tuan Lim Guan Eng: *Maaf, saya sebut ialah yang RM19.4 bilion itu kita hutang kepada pembayar cukai GST. So, untuk pulang balik, untuk kembalikan balik, kita kena cari sumber yang baharu. So, dalam ucapan Belanjawan 2019, saya umumkan bahawa kerajaan akan bayar balik dengan menggunakan dana khas daripada PETRONAS. Bukan sahaja untuk bayar itu GST tetapi untuk bayar income tax.*

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Okay.*

Tuan Lim Guan Eng: Keseluruhannya sebanyak RM37 bilion. Kita dapat RM30 bilion dulu.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Bererti dalam Kumpulan Wang Disatukan ini, tidak ada duit RM19.4 bilion sebagaimana yang disebutkan seawalnya.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak ada.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya difahamkan ada pegawai dengan jelas mengatakan duit itu ada sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Oh, kalau ada, baguslah.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: *Then* bila dia kata ada, saya bukan apa, saya rasa seolah-olah PAC ini telah tidak diberikan maklumat yang tepat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Saya boleh mengatakan sama ada Yang Berhormat Menteri tidak betul atau ataupun pegawai yang melaporkan perkara ini tidak betul. Oleh sebab dalam *journey* yang kami telah lalui, dengan jelas pegawai itu mengatakan bahawa *at anytime* dia boleh bayar RM19.4 bilion itu dan benda itu direkodkan dalam *Hansard* Parlimen ini. Jadi seolah-olah kami sebagai anggota PAC berada dalam keadaan yang *confuse* dan saya rasa ini bukan satu perkara yang kecil sebab kita sedang menyiasat satu perkara yang besar, tiba-tiba mendapat maklumat yang tidak sama dan ini cukup saya rasa Tuan Pengerusi dan juga teman-teman ahli PAC juga perlu mengambil serius dalam perkara ini kerana kita ingin cuba untuk menyusur, melihat bagaimana perjalanan duit itu.

Akan tetapi apabila disebutkan duit itu ada dan kemudiannya seolah-olah Menteri tidak mendapat maklumat yang tepat daripada pegawai-pegawai, dan saya sebutkan balik ini supaya nantinya apabila kami berbincang dalam PAC kami dapat cantumkan perkara ini dan akhirnya kita akan dapat buat satu kesimpulanlah. Jadi bererti Yang Berhormat Menteri masih mengatakan bahawa duit RM19.4 bilion itu tidak ada dalam Akaun Kumpulan Wang Disatukan sama ada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah ataupun Akaun Pinjaman. Bererti tidak ada. *Okay*, terima kasih itu yang saya hendak dapatkan.

Lim Guan Eng: Saya akan semak siapa yang berikan maklumat ini dan saya minta maaf kalau maklumat ini telah mengelirukan PAC. Saya akan minta KSP untuk ambil tindakan yang sewajarnya ke atas pegawai tersebut yang berikan maklumat yang tidak betul. Terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Yang Berhormat Menteri, saya amat tertarik kepada - ini kita kena balik mungkin setengah jamlah sudah. Yang Berhormat Menteri sebut adalah salah kerana kalau duit GST ini dia mesti masuk kepada Tabung Amanah dulu sebelum ia dikeluarkan. Akan tetapi dalam siasatan atau prosiding kita, kita difahamkanlah daripada KSU kah, daripada *Accountant General* punya pejabat, mereka hanya ikut apa peruntukan yang sudah ditetapkan dan itu semua wang akan masuk ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan dan 35 peratus akan dimasukkan kepada Tabung Amanah untuk pembayaran baliklah.

Akan tetapi pada masa kita tanya mantan Menteri Kewangan, mengapa ini amalan adalah begitu? Dia sebut itu bukan perkara polisi, dia hanya terima nasihat daripada *Accountant General*. Jadi apa yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan kah, *Accountant General* punya pejabat, semua adalah dinasihatkan oleh mereka. Jadi saya pernah tanya dia, adakah dia di *driving seat* atau *or not in the driving seat*. Saya pernah tanya dialah kerana dia semua macam salahkan Menteri Kewangan - semua pegawai atau KSU atau *Accountant General*. Dia kata semua dia terima nasihat daripada mereka.

Dia yang sebut yang saya ingatlah, bukan daripada pegawai-pegawai mana, tidak ada mantan Perdana Menteri yang - Menteri Kewangan jugalah pada masa itu, dia yang sebut bila-bila ada duit, dia mesti ada duit untuk dibayar balik, cuma *timing* sahaja. Itu adalah jawapan daripada mantan Menteri Kewangan. Jadi saya tertarik atau berharap, apa amalan sekarang di antara Menteri Kewangan dengan kementerian dan juga dengan *Accountant General*? Adakah sekarang Menteri Kewangan menerima nasihat dari mereka atau *you* yang ikut peruntukan undang-undang yang turun arahan kepada mereka. *Okay*, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Di sini saya tidak yakin bahawa Yang Berhormat mantan Menteri terima nasihat daripada *Accountant General*. Ini kerana apabila kita sebut itu *Cash Flow Meeting*, itu *Cash Flow Meeting*, *Accountant General* hanya seorang ahli. Ia dipengerusikan oleh KSP.

■1540

So dia dapat nasihat. Dia takkan dengar daripada *Accountant General*, dia akan dengar daripada KSP. *KSP is actually a very important and powerful position*. So tak mungkin dia hendak salahkan itu *Accountant General*. Kalau hendak salahkan, mesti salahkan itu KSP.

Kedua, tentang soalan apakah fungsi saya sekarang. Kita— *actually* sebenarnya semua pegawai kerajaan, dia hendak ikut undang-undang. Selamat dan dia pun boleh tidur lebih nyenyak waktu malam. So bila lihat itu undang-undang 54(5) *there are some powers you cannot delegate. Under the act, it says only the Minister can authorise. When the Minister can authorise, you cannot delegate these powers to the KSP or to any other person. You must sign them yourself. So he was talking nonsense, with all due respect.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: *That's why I have just said.*

Tuan Lim Guan Eng: *He is talking nonsense to say that he only takes advice. The question is if you said number one, you want— the laws under 54(2) it says that it must be put into the GST tax refund. If you don't do it, then you can direct it back to the Consolidated Fund account provided you authorise it. You authorise is what? You must sign. There is no signature. There is no signature. He is going against the law. Whereas now we follow the law, I sign. That's why sometimes I stay up very late at night. I have no choice, I got to sign every document.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *Thank you very much.*

Tuan Lim Guan Eng: *Thank you.*

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: *Puncak Borneo. I think I agree with Yang Berhormat Menteri Tuan Lim Guan Eng. I think that is very wrong because I think if we delegate the thing, he has to not only put it in writing but he must make sure that this power is devaluates to this person in a formal manner. But from what we have investigated so far, I don't think we have any of glaring evidence that, that has been done. So, I think this is totally wrong. I fully agree.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]: Satu.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Sungai Besar.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Oh Sungai Besar dulu.

Tuan Lim Guan Eng: *Ya, I agree with Yang Berhormat Puncak Borneo. Actually when you talked about that authorisation, if you want to give authorisation, dia tak boleh buat open ended. It must be in every case, you know. It cannot be blanket, that is also wrong. So, I think Yang Berhormat Borneo has struck the nail on the head. I think he knows the work of a Minister much better than the previous Finance Minister.*

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: *Okay Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak merujuk balik kepada perkataan 'rompak' tadi walaupun tidak selesai digunakan yang mana sekarang ini selepas penjelasan Menteri saya nampak ada dua kategori. Pertama, part macam mana duit tersebut diambil dan digunakan. Part kedua, macam mana duit tersebut digunakan. Jadi kalau diambil dikira daripada part macam mana dana GST refund ini diambil tanpa kebenaran, pandangan saya itu macam merompaklah. Diambil tanpa kebenaran. Akan tetapi dalam soal duit itu dibawa lari untuk kegunaan yang luar daripada kerajaan atau apa ini semua, maksudnya dia masih masuk ke dalam akaun. Jadi I think kalau the first part itu kalau pandangan saya di sini, Yang Berhormat mempunyai hak menggunakan perkataan tersebut walaupun bahasanya kasar tetapi mengambil hak tanpa kebenaran itu sama seperti juga merompak. Itu sahaja.*

Tuan Wong Hon Wai: Tuan Pengerusi, tadi apabila...

Tuan Pengerusi: Tak payah jawablah, dia hendak bagi *statement*.

Tuan Wong Hon Wai: *Okay.*

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih atas itu rumusan yang diberikan oleh Yang Berhormat Johor Bahru memang bernas dan padat. *[Ketawa]*

Tuan Wong Hon Wai: Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Berhormat Pekan datang ke PAC, saya telah menanyakan bahawa RM19.4 bilion, kemudian hanya RM450 juta pada April 2018 dan *of course* saya minta dia tunjuk buktilah, bukti mana wang itu. Kemudian *of course his answer* dimitnkan tetapi saya rasa *intention of Parliament* dalam seksyen 54 itu jelas ialah Menteri perlu menggunakan kuasa dia. Kalau— *of course* Yang Berhormat Pekan *doesn't have the access to his office after he left the office*. Akan tetapi saya rasa dokumen

itu penting kalau ia betul-betul diminitkan. Saya rasa apabila satu minit oleh Menteri, saya rasa ada satu dokumen satu salinan di KSP kah di— *I mean* Ketua Pengarah kah. *It must be somewhere. It cannot be said* kita tidak boleh ambil *face value* apabila Pekan hanya kata diminitkan tetapi kita tidak jumpa dokumen itu.

Semua pegawai yang datang ke PAC ini tak ada seorang pun memberitahu kita bahawa dokumen ini wujud. Tak ada seorang pun *testify* bahawa dokumen itu wujud. Kita hanya mendengar yang Berhormat Pekan kata perkara dia berikan, diminitkan tetapi di bawah seksyen 54, tetapi kita tak jumpa dokumen itu. So saya tak tahu kebiasaan dalam bagaimana Pejabat Menteri Kewangan *operate* sebelum inilah. *So where is the command on this subpoena.* Kalau ia betul-betul diminitkan, *there must be a copy somewhere. Please comment.*

Tuan Lim Guan Eng: Itu memang telah dicari dengan begitu menyeluruh sekali tetapi fail tidak di jumpa, tak ada dokumen yang disebutkan. Kalau kita lihat minit, ia selalu dipengerusikan oleh KSP. Tidak pernah itu Menteri datang. Saya difahamkan Menteri pun jarang datang juga. Sibuklah sebagai Perdana Menteri, kita faham. Akan tetapi yang penting ini semua tidak ada. So semua diserahkan kepada Tan Sri KSP yang merupakan pelanggaran undang-undang. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Pengerusi]: Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera tadi, mungkin saya hendak tambah sedikit. Sememangnya semua pegawai datang, memang apabila kita tanya berkenaan *authorisation* yang diberikan, hanya bergantung pada *trust deed* yang telah pun dikemukakan kepada PAC yang mana *trust deed* itu bertarikh lebih kurang 13 Mac 2015. Sememangnya sekiranya kita perhatikan *trust deed*, klausa 12 dan klausa 15 memang juga tidak menyatakan bahawa *authorisation* adalah diberikan dan sememangnya kesemua wang patut dimasukkan ke dalam Akaun Amanah, *rather than the Consolidated Fund.* *So I think the committee should, will deliberate on this and also on the position taken by Tommy Thomas over the matter.*

Tuan Pengerusi: *Just last question. We were told by KSP and former KSP, bajet kita ini— I think you experience it now. Budget is, dia forecast kepada income. Customs will say this amount of billion they will deliver, income tax has billion will be delivered. So with that number, you do your budget. That is exactly now and previously. So masalahnya ialah bajet yang di-forecast sepatutnya revenue kerajaan itu tidak mencukupi. Tak seperti apa yang di-forecast-kan oleh agensi-agensi pemungut hasil ini. So sebab itu, duit dalam Consolidated Fund itu diguna untuk perkara-perkara yang dijadikan bajet dalam kerajaan. Itu berlaku, itu berlaku.*

Yang Berhormat setuju tak perkara itu berlaku disebabkan sewaktu duit termasuk yang 35 peratus *kept aside* untuk *GST refund* digunakan, disebabkan agensi kerajaan yang membuat *forecast* tidak *deliver the exact number revenue* yang mereka jangkakan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada soalan ini kerana ini sangat penting. Apa yang dinyatakan oleh Tuan Pengerusi hanya boleh diterima pakai untuk tempoh satu tahun. *Whereas you must know in— okay* saya bagi satu contoh. Bila saya bantangkan bajet dekat Pulau Pinang, tiap-tiap tahun saya bantangkan defisit bajet kerana kita belum dapat yang sebenarnya, *actual figures*. Mengapa defisit bajet tiap-tiap tahun boleh jadi *what we call that surplus, actual surplus* bajet kerana bila kita buat tender terbuka, kita dapat penjimatan 45 peratus. So ini berjaya membolehkan kita dapat *turn around* daripada defisit jadi surplus. So semua unjuran ini berlainan dengan sebenarnya.

■1550

So, what is estimated— anggaran adalah berlainan dengan sebenar. Akan tetapi, ini akan dibetulkan dengan sendirinya mengikut sistem perakaunan *double entry* dan sebagainya dalam masa setahun. Sekiranya, ia berlaku dalam setahun— saya setuju. Akan tetapi, ia adalah sejak 2015 hingga sekarang. Tiga tahun. Dia tidak di-*regularised*. Masih ada bayaran yang belum di kembalikan. So, kalau kita gunakan penjelasan ini ia tidak akan diterima oleh mana-mana akauntan bertauliah yang bermaruah. Hanya mungkin macam Goldman Sachs akan terimalah.

Tuan Pengerusi: 600 million.

Tuan Lim Guan Eng: [Ketawa] US Dolar.

Tuan Pengerusi: Okay.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Sekarang, *now I realise why you're asking or taxing PETRONAS for RM30 billion*.

Tuan Lim Guan Eng: *It's not taxing, asking for special dividend*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Akan tetapi, *RM30 billion it is not only to pay up the GST but also... [Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: *Income tax*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: LHDN. *But for that matter now, we have already decided of that matter we have already proposed in the PAC a couple of times. Each time when they are talking about this RM19.4— if only the government now making any decision of paying it up, it must be paid after due diligence and after verification from all the department. Because now we found that banyak akaun-akaun ini dipertikaikan. Lagi satu, banyak claim ini adalah claim tipu. Jadi, kita tidak mahu nanti kita dipersoalkan oleh rakyat, kita membayar pada orang yang tidak berhak menerimanya. Janganlah hendaknya kita membuat kesilapan kerana kita boleh dipersoalkan nanti. Itu sahaja Yang Berhormat. Ini bukan saya hendak minta apa-apa pandangan.*

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: Itu ingatan sekali lagi. *I want this to be put on record. That this RM19.4 billion can only be paid after due diligence and verification.*

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Ini saya pun setuju dengan Yang Berhormat. Ini kerana semua peringatan saya telah berikan berkali-kali. Akan tetapi, dia sudah buat *due diligence* sejak tiga tahun. Saya rasa sudah cukup masa untuk buat pembayaran. Di sini saya lihat kalau kita buat anggaran, 93 peratus daripada bilangan orang yang masih belum terima bayaran, mereka punya *refund* kurang daripada RM100,000. *So, I think we can take sample from there*— sekiranya ada sebarang ketirisan pun tidak banyak yang kita berikan tumpuan setiap kes iaitu untuk GST, bilangan orang yang berdaftar adalah 195,000 orang—195,676 orang yang berdaftar. Dari orang yang berdaftar ini, bilangan penyata adalah 317,000 akaun yang masih belum diselesaikan. *So, you are looking at a huge number. A huge number of payment that is not paid.*

Okay. Daripada jumlah ini, yang kurang RM5,000 yang belum dapat bayaran. Melibatkan 105,000 orang atau 54 peratus. *So, kalau RM5,000 orang ini kita akan check-lah.* Akan tetapi, takkan kita akan *check* habis-habisan. *The amount is not big.* Di mana yang kita akan berikan tumpuan ialah jumlah besar. Iaitu yang lebih mungkin lebih RM50,000 atau lebih RM100,000. Itu kita akan buat *full body check* lah, dengan izin. *Full body check.* *So, pastikan ini— syarikat macam Shell, kalau kita lebih bayar dan kita tuntutan dia pun akan bayar balik. So, that one we have some assurance but that one is quite clear.* PETRONAS, saya cakap terus terang kita hutang bilion ringgit. Bilion ringgit. *But luckily because PETRONAS dia kerajaan.* Dia tidak bising.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng: *So, kita syukurlah. But then ada company like Shell, very furious. Half a billion. So, I think there is why it's very important that we get that special dividend from PETRONAS to settle this and to restore our credibility so that they look at Malaysia as negara berdaulat yang menunaikan janji. Terima kasih.*

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sebelum kita akhiri saya bagi peluang kepada *ex-officio* kalau ada soalan, lazimnya lah. Pegawai-pegawai *ex-officio*. Kalau ada hendak tanya.

Dato' Haji Che Isa bin Che Kob [Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)]: Soalan tidak ada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Kecuali kalau perlukan apa-apa penjelasan kalau boleh, saya cubalah.

Tuan Pengerusi: Tidak ada. *Should be okay. Okay,* tiada penjelasan yang tambahan yang diperlukan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng. Dia sepatutnya Tun Dato Seri tetapi dia tidak mahu. *[Ketawa]* Ini kerana hadir pada hari ini memberi masa pada kita — PAC untuk hadir dan memberi keterangan. Saya yakin keterangan Yang Berhormat ini akan menjadi perkara penting dalam rumusan PAC kelak. Terima kasih juga kepada KSP yang turut hadir dan turut memberi keterangan kepada kita sebelum ini dan semua pegawai-pegawai daripada Kementerian Kewangan yang turut sama

hadir untuk memberi keterangan kepada PAC. Saya yakin kerjasama sebegini akan berterusan di masa yang akan datang. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak ucapkan terima kasih juga. Saya pernah menjadi Ahli PAC. So, saya pun berasa sangat mulia untuk kembali lagilah. Sungguhpun, saya pun difahamkan saya adalah Yang Berhormat Menteri Kewangan yang pertama hadiri itu mesyuarat PAC. Itu pun untuk PAC dan saya satu hari yang bersejarah untuk saya secara peribadi kerana saya juga bekas Ahli PAC untuk hampir tiga penggal. So, ucapkan terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.56 petang]